

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2000/2001

September 2000

SPW202 - Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Arahan: Jawab LIMA (5) daripada soalan-soalan berikut. Tiap-tiap soalan bernilai 100 markah.

1. Banding dan bezakan ketiga-tiga model perhubungan antarabangsa yang berikut berdasarkan hujah-hujah Thomas Hobbes, Hugo Grotius dan Emmanuel Kant dengan memberikan contoh-contoh yang relevan: a) anarki antarabangsa; b) masyarakat antarabangsa; c) komuniti antarabangsa.
2. Berikan definisi dan bincangkan peranan "kuasa" dalam perhubungan antarabangsa. Bagaimanakah caranya mengukur kuasa di peringkat antarabangsa?
3. Kenapakah Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) ditubuhkan dan bagaimanakah ianya menyumbang ke arah keselamatan serantau di Asia Tenggara? Apakah kesan dan implikasi penubuhan "ASEAN Regional Forum" (ARF) kepada ASEAN?
4. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep "pembangunan mapan" (sustainable development)? Berikan contoh-contoh sebenar masalah alam sekitar dalam jawapan anda.

5. Apakah yang dimaksudkan dengan "politik ekonomi antarabangsa"? Apakah perubahan-perubahan yang telah berlaku dalam ekonomi dunia dalam masa 15 tahun yang lalu?
6. Apakah yang dimaksudkan dengan diplomasi? Apakah perbezaan di antara diplomasi sebagai satu proses dengan diplomasi sebagai satu kaedah? Apakah hubungan kuasa dengan diplomasi?
7. Bincangkan kesemua konsep-konsep berikut:
 - (a) Keselamatan nasional
 - (b) Perang yang adil (Just War)
 - (c) "Mutual assured destruction" (MAD)
 - (d) Campurtangan keperimanusiaan